

20 AUG 2001

DR LING JUMPA PARA PEGAWAI DUBAI

DUBAI, 20 Ogos (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Malaysia Datuk Seri Dr Ling Liong Sik telah membincangkan kerjasama ekonomi dua hala dengan para pegawai Dubai semasa singgah sebentar di sini.

Pada pertemuan dengan Ahmed Butti, Ketua Pengarah Pihak Berkuasa Zon Bebas Jabel Al, Dr Ling membincangkan cara-cara untuk memanfaatkan peluang perniagaan di pasaran berjiranan bagi faedah bersama, menurut laporan agensi berita WAM pada Ahad.

Ling menegaskan bahawa kerjasama di kalangan negara membangun adalah penting untuk memperbaharui konsep globalisasi dalam cara ia akan memenuhi kepentingan negara-negara berkenaan, menurut agensi itu.

Terdahulu Dr Ling disambut di lapangan terbang oleh para pegawai Zon Bebas Jebel Ali dan Projek Palm Islands Dubai.

Beliau berada di Emiriah Arab Bersatu dalam perjalanan ke Kuala Lumpur dari Sana'a selepas mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan empat hari ke Yemen baru-baru ini.

-- BERNAMA  
SKH KHY RON